# Frequently Ask Question (FAQ) bagi tuntutan perjalanan, elaun makan, elaun harian dan bayaran sewa hotel

## Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

| | |
|---|---|
| **Soalan 1** | **Bilakah tarikh akhir penghantaran tuntutan perjalanan setiap bulan?** |
| Jawapan 1 | Penghantaran borang tuntutan hendaklah dibuat secara bulanan, iaitu **sebelum atau pada 10hb** pada bulan berikutnya. |
| **Soalan 2** | **Bolehkah tuntutan perjalanan dikemukakan untuk pembayaran selepas 10hb bulan berikutnya?** |
| Jawapan 2 | **tidak boleh**, tuntutan pembayaran yang lewat dikemukakan selepas 10hb bulan berikutnya, tidak akan dipertimbangkan, kecuali mendapat kelulusan daripada Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) selaras dengan AP100 (a).<br><br>PTJ diminta untuk memastikan supaya tuntutan dikemukakan tidak lewat daripada 10hb dalam bulan berikutnya. |
| **Soalan 3** | **Bagaimana cara untuk menentukan jarak sebenar perjalanan yang boleh dituntut?** |
| Jawapan 3 | a) Jarak perbatuan adalah merujuk kepada jarak pada“*Google Maps*”.<br><br>b) Panduan :-<br><br>1) Pergi kelaman web http://maps.google.com.my<br>2) Klik pada *“Get Direction”* (by car)<br>3) Isi ruangan A dan B<br>• A – nama tempat: dari mana<br>• B – nama tempat : ke mana<br>• Contoh: A = Jalan Cenderasari, Kuala lumpur<br>B = Hospital Kuala Lumpur<br><br>4) Klik pada *“Get Direction”*semula<br>5) Pilihan jalan akan dipaparkan<br><br>c) Pilihan jarak jalan adalah mengikut jarak yang terdekat |
| **Soalan 4** | **Bolehkah menuntut elaun perjalanan setelah menaiki kenderaan yang disediakan oleh jabatan?** |
| Jawapan 4 | Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur semasa menjalankan tugas rasmi **tidak layak** menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan |
| **Soalan 5** | **Bagaimana cara menentukan kadar kelayakan tuntutan bagi elaun** |

| | |
|---|---|
| | **perbatuan?** |
| Jawapan 5 | ElaunPerbatuan: (see table below) |
| **Soalan 6** | **Bagaimana cara menentukan kelas yang layak dituntut bagi elaun perbatuan?** |
| Jawapan 6 | Kelas dan sukatan silinder :- (see below) |
| **Soalan 7** | **Pegawai layak menuntut kelas C, tetapi Ketua Jabatan membenarkan pegawai tersebut menuntut kelas yang lebih tinggi dari kelayakan (cth kelas B) Adakah T&T layak dibayar?** |
| Jawapan 7 | **tidak layak**, semua kelayakan hendaklah mematuhi kadar yang telah ditetapkan di dalam pekeliling berkuatkuasa. |
| **Soalan 8** | **Bagaimana cara untuk menuntut bayaran balik tol dan apa maklumat yang perlu diberikan?** |

Jawapan 5 — ElaunPerbatuan:

| **Jarak perjalanan rasmi bagitiap-tiap satu bulan** | **Kelas (sen/km)** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **A** | **B** | **C** | **D** | **E** |
| 500 kilometerpertama | 70 | 60 | 50 | 45 | 40 |
| 501-1,000 km | 65 | 55 | 45 | 40 | 35 |
| 1,001-1,700 km | 55 | 50 | 40 | 35 | 30 |
| 1,701 km danseterusnya | 50 | 45 | 35 | 30 | 25 |

Jawapan 6 — Kelas dan sukatan silinder :-

- Penentuan kelas adalah **bergantung kepada kadar gaji atau sukatan silinder** (mengikut mana yang terendah)
- Kelas dan sukatan silinder :-

| **Kelas** | **Gaji** | **Sukatan Silinder Kenderaan (s.s)** |
|---|---|---|
| **A** | Tidak kurang dari RM 2,625.45 sebulan | 1400 s.s keatas |
| **B** | Tidak kurang dari RM 2,333.00 sebulan | 1000 s.s keatas |
| **C** | Tidak kurang dari RM 1,820.75 sebulan | Di bawah 1000 s.s |
| **D** | Kurang dari RM 1,820.75 sebulan | Tidakkurang750s.s |
| **E** | Kurang dari RM 1,820.75 sebulan | Di bawah 175 s.s |

<table>
<tr><td>Jawapan 8</td><td>a) Jika perjalanan melalui tol, maka laluan tol perlu dinyatakan pada kenyataan tuntutan dan disertakan dengan resit asal/penyata Touch & Go.<br><br>b) Sekiranya tiada resit/penyata Touch & Go pegawai perlu mengemukakan , borang pengesahan bayaran tol (lampiranB) perlu diisi berserta sesalinan kad Touch & Go.</td></tr>
<tr><td>Soalan 9</td><td>Adakah perlu disertakan Borang Tugas Rasmi di luar pejabat bersama dengan tuntutan perjalanan?</td></tr>
<tr><td>Jawapan 9</td><td>Borang Tugas rasmi di luar ibu pejabat( LampiranA ) Perlu dikemukakan bagi perjalanan melebihi 25 Kilometer.</td></tr>
<tr><td>Soalan 10</td><td>Apakah kadar bagi tuntutan elaun makan bagi tugas rasmi di luar pejabat?</td></tr>
<tr><td>Jawapan 10</td><td>Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh 24 jam atau lebih yang dikira mulai dari waktu bertolak adalah layak menuntut Elaun Makan mengikut kadar seperti berikut:-<br><br>
<table>
<tr><th>Gred</th><th>Semenanjung Malaysia (RM)</th><th>Sabah, Labuan dan Sarawak (RM)</th></tr>
<tr><td>Utama/Khas ‘A’ dankeatas</td><td>115.00</td><td>165.00</td></tr>
<tr><td>Utama/Khas ‘B’ dan ‘C’</td><td>100.00</td><td>130.00</td></tr>
<tr><td>53 hingga 56</td><td>85.00</td><td>115.00</td></tr>
<tr><td>45 hingga 52</td><td>60.00</td><td>80.00</td></tr>
<tr><td>41 hingga 44</td><td>45.00</td><td>65.00</td></tr>
<tr><td>17 hingga 40</td><td>40.00</td><td>55.00</td></tr>
<tr><td>1 hingga 16</td><td>35.00</td><td>50.00</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Soalan 11</td><td>Apakah keadaan yang tidak melayakkan untuk menuntut elaun makan?</td></tr>
<tr><td>Jawapan 11</td><td>a) Elaun makan tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi 3 bulan terus menerus termasuk hari kelepasan am dan mingguan.<br><br>b) Elaun makan tidak layak dituntut jika kemudahan makan disediakan oleh Kerajaan, Penganjur dan Syarikat Penerbangan. Sekiranya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan tertakluk kepada kadar seperti berikut:-<br><br>a) Sarapan pagi – 20% daripada Elaun Makan<br>b) Makan tengahhari – 40 % daripada Elaun Makan<br>c) Makan malam – 40% daripada Elaun Makan</td></tr>
<tr><td>Soalan 12</td><td>Apakah kadar dan kelayakan bagi tuntutan elaun harian bagi tugas rasmi di luar pejabat?</td></tr>
<tr><td>Jawapan 12</td><td>Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar ibu Pejabatnya (melebihi 25km) bagi tempoh melebihi 8 jam tetapi kurang dari 24 jam adalah layak menuntut Elaun Harian.<br>Perkiraannya adalah : ½ daripada kadar Elaun Makan</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **Soalan 13** | **Seorang pegawai Gred 44 memulakan tugas rasmi dalam negeri (Semenanjung Malaysia) mulai 8 pagi 1 Mac 2016 dan tamat pada pukul 6 petang keesokan-harinya. Bagaimanakah perkiraan elaun makan/ elaunhariannya?** |
| Jawapan 13 | Perkiraan elaun makan dalam negeri bagi pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh 24 jam atau lebih yang dikira mulai dari waktu bertolak adalah layak menuntut Elaun Makan dan bayaran mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan. Perkiraan elaun harian dalam negeri untuk pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya/stesen hendaklah melebihi 8 jam tetapi kurang daripada 24 jam mengikut kadar separuh dari kelayakan elaun makannya.<br><br>Asas perkiraannya adalah seperti berikut:<br><br>1 Mac 2016 - 2 Mac 2016<br><br>8 pagi -------------------------8 pagi----------------------------------6 petang<br>(1 Mac) (2 Mac) (2Mac)<br><br>**(24 jam)** **(10 jam)**<br><br>1x elaun makan 1 x elaun harian<br><br>Jawapan: Beliau layak menuntut 1 kali elaun makan dan 1 kali elaun harian sahaja (RM45 + RM22.50 = RM 67.50).<br><br>(elaun makan dan elaun harian tidak layak dituntut sekiranya makanan disediakan oleh penganjur) |
| **Soalan 14** | **Dengan mengunakan contoh di atas, andaikan makan malam beliau disediakan oleh penganjur. Bagaimanakah perkiraan elaun makan/hariannya?** |
| Jawapan 14 | Asas perkiraan elaun adalah seperti berikut:<br><br>1 Mac 2016 - 2 Mac 2016<br><br>8 pagi ---------------------------------------------8 pagi--------------------------------6 petang<br>(1 Mac) (2 Mac) (2 Mac)<br><br>**(24 jam)** ( 10 jam)<br>(Makan malam disediakan)<br><br>(1x elaun makan) – (40% makan malam) 1 x elaun harian<br><br>Jawapan: Beliau layak menuntut 60% x1 elaun makan dan 1 kali elaun harian sahaja [(60% RM45) = RM27 + RM22.50 = RM 49.50]<br><br>(elaun makan dan elaun harian tidak layak dituntut sekiranya makanan disediakan oleh penganjur) |

<table>
<tr><td>Soalan 15</td><td>Adakah layak seorang pegawai menuntut Elaun Harian sekiranya makan disediakan oleh penganjur dalam tempoh pegawai tersebut bertugas rasmi diluar pejabat</td></tr>
<tr><td>Jawapan 15</td><td>Elaun Harian tidak layak dituntut jika kemudahan makan telah disediakan oleh penganjur/urusetia</td></tr>
<tr><td>Soalan 16</td><td>Apakah kelayakan tuntutan sekiranya pegawai pelu menginap semasa bertugas rasmi di luar?</td></tr>
<tr><td>Jawapan 16</td><td>
Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap layak menuntut Bayaran Sewa Hotel disokong dengan resit asal tertakluk kepada had maksimumnya atau Elaun Lojing mengikut kadar seperti berikut:-<br><br>
a) Semenanjung Malaysia<br><br>
<table>
<tr><th>Gred</th><th>Sewa Hotel (Maksimum) (RM)</th><th>ElaunLojing (RM)</th></tr>
<tr><td>Utama/Khas ‘A’ dankeatas</td><td>Sebenar (Standard Suite)</td><td>80.00</td></tr>
<tr><td>Utama/Khas ‘B’ dan ‘C’</td><td>Sebenar (Bilik Superior)</td><td>75.00</td></tr>
<tr><td>53 hingga 56</td><td>Sebenar (BilikBiasa)</td><td>70.00</td></tr>
<tr><td>45 hingga 52</td><td>240.00</td><td>60.00</td></tr>
<tr><td>41 hingga 44</td><td>220.00</td><td>55.00</td></tr>
<tr><td>27 hingga 40</td><td>200.00</td><td>45.00</td></tr>
<tr><td>17 hingga 26</td><td>180.00</td><td>40.00</td></tr>
<tr><td>1 hingga 16</td><td>160.00</td><td>35.00</td></tr>
</table><br>
a) Sabah, Labuan dan Sarawak<br><br>
<table>
<tr><th>Gred</th><th>Sewa Hotel (Maksimum) (RM)</th><th>ElaunLojing (RM)</th></tr>
<tr><td>Utama/Khas ‘A’ dankeatas</td><td>Sebenar (Standard Suite)</td><td>85.00</td></tr>
<tr><td>Utama/Khas ‘B’ dan ‘C’</td><td>Sebenar (Bilik Superior)</td><td>80.00</td></tr>
<tr><td>53 hingga 56</td><td>Sebenar (BilikBiasa)</td><td>75.00</td></tr>
<tr><td>45 hingga 52</td><td>270.00</td><td>70.00</td></tr>
<tr><td>41 hingga 44</td><td>250.00</td><td>60.00</td></tr>
<tr><td>27 hingga 40</td><td>230.00</td><td>50.00</td></tr>
<tr><td>17 hingga 26</td><td>210.00</td><td>45.00</td></tr>
<tr><td>1 hingga 16</td><td>190.00</td><td>40.00</td></tr>
</table><br>
Catatan :<br><br>
1. Bayaran Sewa Hotel tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi 3 bulan terus menerus termasuk hari kelepasan am dan mingguan.<br><br>
2. Seseorang pegawai layak menuntut bayaran perkhidmatan, cukai perkhidmatan dan lain-lain cukai (tourism fee) yang wajib keatas sewa hotel sebagai tambahan
</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| | kepada maksimum kelayakannya.<br><br>3. Seseorang pegawai **tidak layak** menuntut Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing jika tempat penginapan disediakan oleh pihak Kerajaan atau Penganjur<br><br>4. **Jadual program** sepanjang tugas rasmi tersebut perlu disertakan. |
| **Soalan 17** | **Apakah kadar tuntutan elaun semasa berkursus di luar pejabat?** |
| Jawapan 17 | **KADAR ELAUN MAKAN, BAYARAN SEWA HOTEL DAN ELAUN LOJING SEMASA BERKURSUS ( KECUALI KURSUS PRA PERKHIDMATAN) DI DALAM NEGERI DILUAR PEJABAT MELEBIHI 25 KM** |

A) Semenanjung Malaysia:

| **Gred** | **ElaunMakan (RM)** | **Sewa Hotel (RM)** | **Lojing (RM)** |
|---|---|---|---|
| Utama/Khas 'A' dan keatas atau Yang Setaraf | 90.00 | Bilik Biasa | 80.00 |
| Utama/Khas 'B' dan 'C' atau Yang Setaraf | 90.00 | Bilik Biasa | 75.00 |
| 53 hingga 56 atau Yang Setaraf | 70.00 | Bilik Biasa | 70.00 |
| 45 hingga 52 atau Yang Setaraf | 60.00 | 145.00 | 60.00 |
| 41 hingga 44 atau Yang Setaraf | 45.00 | 130.00 | 55.00 |
| 17 hingga 40atau Yang Setaraf | 40.00 | 80.00 | 35.00 |
| 1 hingga 16atau Yang Setaraf | 35.00 | 65.00 | 30.00 |

a) Sabah, Labuan dan Sarawak

| **Gred** | **ElaunMakan (RM)** | **Sewa Hotel (RM)** | **Lojing (RM)** |
|---|---|---|---|
| Utama/Khas 'A' dankeatasatau Yang Setaraf | 120.00 | BilikBiasa | 85.00 |
| Utama/Khas 'B' dan 'C' atau Yang Setaraf | 120.00 | BilikBiasa | 80.00 |
| 53 hingga 56 atau Yang Setaraf | 90.00 | BilikBiasa | 75.00 |
| 45 hingga 52 atau Yang Setaraf | 80.00 | 160.00 | 70.00 |
| 41 hingga 44 atau Yang Setaraf | 65.00 | 140.00 | 60.00 |
| 17 hingga 40 atau Yang Setaraf | 55.00 | 100.00 | 40.00 |
| 1 hingga 16 atau Yang Setaraf | 50.00 | 80.00 | 35.00 |

| | |
|---|---|
| **Soalan 18** | **Apakah kelayakan tuntutan elaun perjalanan bagi mengikuti kursus di luar pejabat (sekiranya penginapan disediakan oleh peganjur)?** |
| Jawapan 18 | Pegawai hanya layak menuntut elaun perjalanan bagi perjalanan pergi (hari pertama) dan balik ( hari (terakhir) sahaja. |

| | |
|---|---|
| **Soalan 19** | **Apakah kelayakan tuntutan elaun perjalanan bagi mengikuti kursus di luar pejabat (sekiranya penginapan tidak disediakan oleh penganjur)?** |
| Jawapan 19 | Sekiranya pegawai menghadiri kursus di luar pejabat dan penginapan tidak disediakan oleh penganjur, pengawai hanya layak menuntut elaun perjalanan bagi **enam hari pertama sahaja**.<br><br>Untuk hari ketujuh dan berikutnya pegawai tidak layak menuntut elaun perjalanan. |
| **Soalan 20** | **Adakah pegawai yang diarahkan bertugas lebih masa pada hari-hari kelepasan am/ rehat mingguan/ rehat Sabtu boleh dibayar tuntutan perjalanan dari rumah ke pejaba**t? |
| Jawapan 20 | Ya. Pegawai layak membuat tuntutan perjalanan jika **diarahkan secara bertulis** oleh Ketua Jabatan untuk datang ke pejabat atau ke mana-mana tempat yang diarahkan bagi menjalankan tugas rasmi pada hari-hari kelepasan am/ rehat mingguan/ rehat sabtu |
| **Soalan 21** | **Adakah perlu *boarding pass/t*iketferi bagi waran udara/feri dikemukakan bersama dengan tuntutan perjalanan?** |
| Jawapan 21 | Ya, *boarding pass*/tiket feri perlu dikemukakan bersama dengan tuntutan elaun perjalan sebagai bukti waran udara/feri tersebut telah diguankan. |